

**SEJARAH PERKEMBANGAN INSTITUSI
AWAM SEMASA ZAMAN RENAISSANCE DI
EROPAH (1300-1600)**



HEALVADER SEPTPRAISE ANAK RAYANG

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2022

**SEJARAH PERKEMBANGAN INSTITUSI
AWAM SEMASA ZAMAN RENAISSANCE DI
EROPAH (1300-1600)**

HEALVADER SEPTPRAISE ANAK RAYANG

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN
UNTUK MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA
SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN
DALAM BIDANG SEJARAH**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN
KEMANUSIAAN
2022**

PENGESAHAN

JUDUL : **SEJARAH PERKEMBANGAN INSTITUSI AWAM SEMASA ZAMAN RENAISSANCE DI EROPAH (1300-1600)**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **HEALVADER SEPTPRAISE ANAK RAYANG** sesi **2019-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Latihan Ilmiah ini sebagaibahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/) :

SULIT

TERHAD

TIDAK
TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan Oleh,



HEALVADER SEPTPRAISE ANAK RAYANG
BA19110676



EKO PRAYITNO JOKO
Pensyarah Program Sejarah
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan
Universiti Malaysia Sabah

(EN. EKO PRAYITNO JOKO)
PENYELIA

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Sejarah Perkembangan Institusi Awam Semasa Zaman Renaissance di Eropah (1300-1600) ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan, ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 OGOS 2022



HEALVADER SEPTPRAISE
ANAK RAYANG
BA19110676



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Bersyukur terhadap hadrat ilahi dengan limpah dan kurniaNya dapat kami menyiapkan latihan ilmiah dengan jayanya. Pertama sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Sabah kerana telah membantu dalam menghasilkan latihan ilmiah ini dengan menyediakan kemudahan seperti perpustakaan bagi memudahkan saya mendapat bahan rujukan yang berkaitan dengan tajuk latihan ilmiah ini. Saya juga ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Eko Prayitno Joko yang merupakan penyelia kepada tesis saya ini. Beliau telah menjadi antara individu yang terpenting sepanjang proses menyiapkan tesis ini yang telah memberikan panduan dan tunjuk ajar kepada saya. Wajar dikatakan bahawa teguran dan cadangan oleh beliau merupakan suatu pengajaran kepada saya bagi menyiapkan tesis ini.

Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa saya yang banyak memberikan sokongan serta dorongan dan juga wang ringgit dalam menghasilkan tesis ini. Tanpa sokongan dan bantuan tersebut mungkin agak sukar untuk saya menghasilkan tesis ini dengan sempurna seperti rakan-rakan yang lain. Di samping itu, ucapan terima kasih kepada rakan-rakan saya iaitu Muhammad Aqil Aziz bin Tuah, Octvia Reymnas anak Iju, Nurul Liyana Farahani, Nurlailah binti Kamarudin, Jereny Dolla anak Pilut dan Francy Semo anak Unau yang telah membantu dalam memberikan sokongan mental dan fizikal sepanjang proses saya menyiapkan tesis ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada diri sendiri kerana telah berjaya menyiapkan tesis ini dengan cemerlang. Semangat mempelajari sesuatu yang baru dan sifat tidak berputus asa ini amat saya hargai pada diri sendiri walaupun terdapat halangan dari segi mental dan fizikal sepanjang prose penghasilan tesis ini. Walaubagaimanapun, ini akan menjadi sebuah pengalaman yang akan saya hargai sepanjang kehidupan saya.

HEALVADER SEPTPRAISE ANAK RAYANG
11 OGOS 2022

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji tentang Sejarah Perkembangan Institusi Awam semasa Zaman Renaissance di Eropah (1300-1600). Umumnya, masyarakat Eropah telah melalui satu perkembangan yang drastik khususnya dalam bidang pendidikan daripada era zaman Gelap sehingga Zaman Renaissance. Masyarakat di Eropah khususnya di Itali telah melalui era zaman Gelap di mana tahap pendidikan masyarakat tempatan pada masa tersebut boleh dikatakan agak mundur kerana terlalu bergantung kepada ilmu yang disampaikan oleh golongan agama iaitu paderi gereja. Tahap Pendidikan masyarakat umum di Eropah mula berubah apabila bermulanya gerakan Renaissance yang telah mendorong kepada perkembangan atau evolusi pendidikan sekaligus membawa kepada pembinaan beberapa institusi pendidikan awam seperti Universiti Bologna (1088), Universiti Paris (1150), Universiti Oxford (1167), dan Universiti Cambridge (1209). Kewujudan institusi pendidikan awam tersebut menjadi penanda aras kepada tahap pendidikan dalam masyarakat di eropah berbanding tamadun lain pada masa tersebut. Sehingga kini masyarakat di Eropah masih juga menerima kesan daripada pembangunan institusi awam tersebut menyebabkan golongan pelajar atau mahasiswa dari Eropah khususnya graduan daripada institusi Pendidikan awam di Eropah disegani oleh pelajar-pelajar universiti lain di serata dunia. Persoalannya adalah bagaimana masyarakat Eropah mampu berkembang secara drastik dalam aspek pendidikan dan sekaligus membawa kepada pembinaan institusi awam seawal abad ke-12. Selain itu, menjadi satu persoalan juga sejarah secara kronologi bagaimanakah sejarah terbina institusi awam yang dikatakan antara yang terbaik di dunia ini. Oleh itu kajian ini dilakukan untuk menjelaskan sejarah perkembangan pendidikan yang berlaku di Eropah yang mendorong kepada pembinaan institusi Pendidikan awam. Di samping itu, kajian ini juga akan menjelaskan sejarah pembangunan dan perkembangan institusi awam zaman Renaissance serta menganalisis kesan perkembangan institusi awam Zaman Renaissance kepada masyarakat Eropah pada masa kini. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dengan merujuk buku teks, dokumentasi-dokumentasi berkaitan serta pelbagai bahan bertulis dan laman sesawang.

Kata Kunci: Renaissance, Perkembangan, Eropah, Institusi Awam, Kesan

ABSTRACT

This study examines the history of the development of public education institutions during the Renaissance in Europe (1300-1600). In general, European society has gone through a drastic development especially in the field of education from the Dark Ages to the Renaissance. Society in Europe, especially in Italy, has gone through the Dark Ages where the level of education of the local community at that time can be said to be quite backward because it is too dependent on the knowledge imparted by the religious group, namely church priests. The level of education of the general public in Europe began to change when the Renaissance movement began which encouraged the development or evolution of education and led to the construction of several public education institutions such as the University of Bologna (1088), the University of Paris (1150), the University of Oxford (1167), and the University of Cambridge (1209). The existence of public education institutions became a benchmark for the level of education in society in Europe compared to other civilizations at that time. Until now, the society in Europe is still receiving the impact of the development of public institutions, causing students or students from Europe, especially graduates from public education institutions in Europe, to be respected by students from other universities around the world. The question is how European society was able to develop drastically in terms of education and at the same time lead to the construction of public institutions as early as the 12th century. In addition, it is also a historical question chronologically how the history of the public institution that is said to be one of the best in the world was built. Therefore this study is done to explain the history of the development of education that took place in Europe that led to the construction of public Education institutions. In addition, this study will also explain the history of the development and development of public institutions in the Renaissance period as well as analyze the impact of the development of public institutions in the Renaissance period on European society today. This study uses the library method by referring to textbooks, related documentation as well as various written materials and websites.

Keyword: *Renaissance, Development, Europe, Public Institutions, Effect*

KANDUNGAN

TAJUK	HLM
BORANG PENGESAHAN STATUS LATIHAN ILMIAH	I
PENGAKUAN	II
PENGESAHAN	III
PENGHARGAAN	IV
ABSTRAK	V
ABSTRACT	VI
SENARAI KANDUNGAN	VII
SENARAI GAMBAR	XI
SENARAI PETA	XII

BAB 1: PENGENALAN

BIL	PERKARA	HLM
1.1	Latar Belakang Kajian	1-2
1.2	Permasalahan Kajian	2-5
1.3	Objektif Kajian	6
1.4	Sorotan Literatur	6-12
1.5	Kepentingan Kajian	13-14
1.6	Skop Kajian	14-16
1.7	Metodologi Kajian	16-17
1.8	Pembahagian Bab	17-19
1.9	Kesimpulan	19

BAB 2: SEJARAH PERKEMBANGAN PENDIDIKAN ZAMAN RENAISSANCE DI EROPAH

BIL	PERKARA	HLM
2.1	Pengenalan	20-21
2.2	Zaman Kejatuhan Empayar Rom	21-24
2.3	Perkembangan Pendidikan Zaman Gelap	24-29
2.4	Pendidikan Zaman Renaissance di Eropah	29-31
	2.4.1 Pengaruh Falsafah Humanisme dalam Pendidikan di Eropah	32-36
	2.4.2 Pengaruh Tamadun Islam	35-39

2.4.3 Pendidikan Awal Kanak-kanak	40-42
2.4.4 Pendidikan Kaum Wanita	42-44
2.4.5 Pendidikan Masyarakat Lain(Golongan Pertengahan, Knights, Hamba dan Artisan)	44-46
2.4.6 Pendidikan Tinggi	46-51
2.5 Kesimpulan	51-52

BAB 3: PEMBANGUNAN DAN PERKEMBANGAN INSTITUSI AWAM ZAMAN RENAISSANCE

BIL	PERKARA	HLM
3.1	Pengenalan	53-54
3.2	Perkembangan Pembinaan Institusi Awam Zaman Renaissance	54-58
3.3	Universiti Bologna	58-63
3.4	Universiti Oxford	63-66
3.5	Universiti Paris	66-70
3.6	Universiti Cambridge	70-77
3.7	Kesimpulan	77

BAB 4: KESAN PERKEMBANGAN INSTITUSI AWAM ZAMAN RENAISSANCE KEPADA MASYARAKAT EROPAH.

BIL	PERKARA	HLM
4.1	Pengenalan	78
4.2	Era Revolusi Saintifik di Eropah	79
	4.2.1 Bidang Astronomi	79-84
	4.2.2 Bidang Kimia	84-88
	4.2.3 Bidang Fizik	88-89
4.3	Perkembangan Bidang Kesihatan	90-97
4.4	Perkembangan Ilmu Matematik	97-100
4.5	Perkembangan Ilmu Geografi	100-103
4.6	Kesimpulan	103

BAB 5: KESIMPULAN

104-109

RUJUKAN

110-116



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR

Gambar 2.1	Al-Khawarizmi	40
Gambar 2.2	Pakaian graduasi bagi para pelajar universiti pada zaman Renaissance	51
Gambar 3.2	Rekabentuk 'Enclosed Quadrangle' di Universiti Oxford pada zaman Renaissance	58
Gambar 3.3	Archigymnasium Palace di Universiti Bologna	62
Gambar 4.1	Andrea Vesalius	94
Gambar 4.2	Halaman dalam humani Corporis oleh Andrea Vesalius	95
Gambar 4.3	Buku panduan mengenai Farmakologi semasa Zaman Renaissance.	98



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

Peta 3.1	Geografi penyebaran terletaknya universiti pada zaman pertengahan di Eropah	55
----------	---	----



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang

Pada peringkat awal, perkembangan ilmu dalam masyarakat eropah berlaku dengan perlahan akibat era zaman gelap yang berlaku sebelum tercetusnya gerakan Renaissance. Masyarakat eropah semasa zaman gelap boleh dikatakan mengalami kemunduran kerana campurtangan institusi gereja dalam pelbagai aspek kehidupan mereka termasuklah aspek pendidikan. Institusi gereja terlalu menekankan unsur teologi dalam pendidikan sehingga bidang sains dan falsafah diabaikan oleh masyarakat eropah. Kemunduran masyarakat eropah tersebut mendorong kepada tercetusnya gerakan Renaissance di mana orang eropah mula menyedari bahawa pendidikan dalam bidang sains dan falsafah juga penting dalam kehidupan sekaligus meningkatkan taraf kehidupan mereka. Penyebaran falsafah humanisme, pengaruh tamadun Islam serta kajian semula terhadap manuskrip dan teks kuno zaman Greek dan Rom menjadi antara usaha masyarakat eropah dalam memajukan semula ketamadunan eropah.

Penghargaan terhadap ilmu pengetahuan oleh masyarakat eropah telah membawa kepada pembentukan golongan pelajar yang membentuk sebuah organisasi yang dipanggil sebagai 'Studium Generale'. Organisasi tersebut membawa kepada pembentukan 'Universitas' yang dianggap sebagai infrastruktur pendidikan. Universiti di eropah juga terbentuk daripada bantuan golongan bangsawan serta kerabat diraja yang

membantu membiayai pembinaan kemudahan universiti bagi para pelajar di institusi tersebut. Universiti di eropah seperti Oxford, Cambridge, Paris dan Bologna telah memberi sumbangan yang signifikan kepada perkembangan ilmu dalam pelbagai bidang termasuk bidang astronomi, teologi, perubatan, kimia, fizik, matematik dan geografi. Perkembangan bidang-bidang tersebut telah mempengaruhi perkembangan masyarakat eropah dalam bidang ekonomi dan pentadbiran melalui penemuan yang dilakukan oleh para pelajar dan professor di universiti eropah sekaligus membantu kepada perkembangan ketamadunan eropah pada zaman Renaissance. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menelusuri sejarah perkembangan institusi pendidikan tinggi yang dikatakan menjadi penggerak utama kepada perkembangan ketamadunan masyarakat eropah pada zaman Renaissance.

1.2 Permasalahan Kajian

Masyarakat Eropah merupakan antara golongan masyarakat yang mempunyai sejarah perkembangan ilmu yang drastik menyebabkan mereka mampu berkembang maju sehingga kini. Boleh dikatakan bahawa tamadun di negara-negara benua eropah lebih cepat berkembang daripada negara lain di dunia sehinggalah zaman kini. Tanggapan masyarakat tempatan terhadap perkembangan ilmu di Eropah juga begitu positif sehingga tahap pendidikan masyarakat di Eropah dipandang tinggi secara global. Imej positif masyarakat global terhadap tahap pendidikan di Eropah ditambahkan lagi dengan lahirnya golongan-golongan ilmuwan terkenal serta artis yang dipandang tinggi oleh golongan sarjana pada masa kini seperti Nicolas Copernicus, Andrea Vesalius, Daniel Sennert dan Libavius. Tokoh-tokoh tersebut pernah menjadi graduan di Universiti eropah seperti Oxford, Bologna, Paris, Cambridge serta Padua dan menjadi tanda bahawa institusi awam di eropah telah mula melahirkan tokoh ilmuwan yang menyumbang kepada perkembangan tamadun di benua tersebut.

Bidang pendidikan merupakan salah satu bidang yang memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat sosial bagi mana-mana tamadun dan negara

di dunia. Oleh itu, bidang pendidikan ini sentiasa dititikberatkan oleh para pemimpin dalam sesebuah negara. Pendidikan merujuk kepada proses pemindahan maklumat dan pengalaman yang signifikan melalui proses yang sistematik dan berorganisasi daripada generasi lama kepada generasi baru.¹ Salah satu komponen dalam perkembangan bidang pendidikan adalah pembangunan infrastruktur pendidikan yang konsisten dan sistematik. Infrastruktur Pendidikan memainkan peranan penting dalam bidang Pendidikan terutamanya dalam menjadi platform kepada penyampaian maklumat daripada generasi lama kepada generasi muda. Penyampaian maklumat yang berkesan kepada generasi muda adalah bergantung kepada salah satu faktor penentu iaitu faktor persekitaran. Oleh itu, institusi pendidikan menjadi antara faktor penentu yang utama bagi keberkesanan proses penyampaian maklumat tersebut.

Perkembangan institusi awam merupakan salah satu komponen utama dalam perkembangan ilmu khususnya dalam sesebuah masyarakat. Terdapat pelbagai jenis institusi awam yang telah dibina dalam tamadun manusia sehingga kini seperti Universiti, Politeknik dan Kolej Komuniti. Dalam kajian ini, sejarah perkembangan institusi awam pada zaman Renaissance akan difokuskan bagi merungkai kesan institusi awam tersebut kepada masyarakat Eropah dari zaman sehingga kini. Sebelum berlakunya perkembangan Pendidikan pada zaman kebangkitan yang juga dikenali sebagai The Renaissance, masyarakat Eropah telah melalui satu zaman kemunduran iaitu zaman Gelap dari abad kelima hingga abad keempat belas. Kejatuhan Empayar Rom pada 476 AD telah mendorong kepada penyebaran agama Kristian dalam masyarakat Eropah secara meluas sekaligus menyebabkan golongan gereja menjadi antara organisasi yang paling penting pada zaman tersebut.² Pada zaman tersebut, tahap Pendidikan masyarakat Eropah boleh dikatakan agak mundur kerana sumber atau infrastruktur pendidikan yang terhad. Tambahan pula, dominasi politik dan pentadbiran golongan

¹ Aslanbek Naziev, What is an Education, *International Conference: Future of Education*, 7 edition, 2017

² Edward Gibbon's, *The History of the Decline and Fall of the Roman Empire*, New York: The Modern Library, hlm. 103.

agama iaitu golongan ahli Gereja Katolik yang merangkumi Paderi dan Bishop dikatakan telah menghadkan perkembangan tahap pendidikan masyarakat Eropah³.

Masyarakat Eropah telah mula membina institusi-institusi seperti universiti yang lebih berfokuskan pendidikan tinggi dalam pelbagai bidang termasuklah bidang perubatan, falsafah, fizik, kimia dan undang-undang. Sukar dinafikan bahawa perkembangan ini telah membawa revolusi baharu kepada masyarakat Eropah khususnya pada zaman Renaissance. Perkembangan institusi pendidikan di Eropah menjadi salah satu aspek yang telah membawa kemajuan kepada pembangunan yang berlaku di negara-negara Eropah. Pembangunan yang dimaksudkan tersebut termasuklah dalam pelbagai bidang khususnya dalam aspek intelek masyarakat sosial di Eropah. Pada pendapat pengkaji, masyarakat umum perlu lebih mengambil peka terhadap perkembangan pendidikan dalam zaman Renaissance. Masyarakat Eropah pernah berada di zaman gelap di mana mereka mengalami pelbagai masalah sosial dalam masyarakat mereka. Pelbagai masalah yang telah berlaku di Eropah terutamanya dari Zaman Gelap sehingga Zaman Renaissance ekoran daripada dominasi golongan gereja mendorong kepada masalah kekurangan makanan, pentadbiran yang tidak sistematik dan jurang pendidikan antara golongan masyarakat.⁴ Keadaan tersebut telah menjadi titik penolak kepada masyarakat untuk memajukan diri mereka dalam pelbagai bidang termasuklah bidang pendidikan bagi mewujudkan sebuah masyarakat intelek yang dapat menyumbang kepada kemajuan negara⁵.

Pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi dapat memberi manfaat kepada sesebuah negara terutamanya kepada masyarakat di negara tersebut terutamanya dalam bidang pendidikan. Kemajuan sebuah negara dalam bidang pendidikan khususnya

³ Ierne Lifford Plunket, *Europe in the Middle Ages*, Oxford: Clarendon Press, 1922, hlm. 128.

⁴ James MacCaffrey, *History of the Catholic Church from the Renaissance to the French Revolution-* Volume 1, London: Harpress Publications, 2016. Hlm. 21.

⁵ M. De Filippis, *The Renaissance Problem Again*, Arkansas: American Association of Teachers of Italian, 1943. Hlm. 68.

dalam aspek sistem pendidikan yang digunakan dapat mengubah pola pembangunan intelek sesebuah masyarakat menjadi lebih mudah dan produktif kepada diri sendiri dan negara. Kebanyakan golongan masyarakat di Eropah terutamanya di negara-negara seperti Itali, Sepanyol dan Perancis telah mengalami perubahan dan kemajuan dalam aspek Sains dan teknologi dalam kehidupan seharian mereka sejak akhir zaman Renaissance ada penghujung abad keenam belas. Keadaan tersebut sekaligus mengubah pandangan, cara pemikiran dan kehidupan seharian mereka dan menyebabkan pendidikan menjadi salah satu aspek yang wajib dalam masyarakat Eropah. Keadaan tersebut mendorong kepada perubahan dalam sistem pendidikan yang lebih efektif kepada golongan masyarakat. Terdapat juga pembinaan pelbagai institusi pengajian atau universiti sekitar Eropah dorongan daripada perkembangan bidang pendidikan yang berlaku. Universiti Oxford dan Universiti Cambridge merupakan antara universiti yang telah wujud semasa zaman Renaissance menunjukkan bahawa betapa pesat perkembangan pendidikan di Eropah berbanding tamadun lain di dunia.⁶ Aspek ini perlulah dikaji bagi menjawab beberapa persoalan yang timbul melibatkan sejarah perkembangan institusi pendidikan tinggi pada zaman Renaissance:

- I. Apakah tahap perkembangan pendidikan dalam masyarakat Eropah pada zaman Renaissance?
- II. Adakah berlakunya perkembangan institusi awam pada zaman Renaissance ?
- III. Sejauhmanakah perkembangan institusi pendidikan semasa zaman Renaissance memberi sumbangan kepada masyarakat di Eropah?

1.3 Objektif Kajian

Bahagian ini merupakan kesinambungan bagi persoalan kajian di mana kajian ini dilakukan bagi memecahkan atau menjawab persoalan-persoalan kajian. Oleh itu,

⁶ Paul F. Grendler, *The Universities of the Renaissance and Reformation*, Chicago: The University of Chicago Press, 2004. Hlm. 4.

terdapat tiga objektif yang telah dikenalpasti bagi menjawab persoalan-persoalan kajian iaitu.

1. Mengenalpasti perkembangan pendidikan yang berlaku semasa zaman Renaissance dalam masyarakat Eropah.
2. Menelusuri perkembangan institusi awam di Eropah pada zaman Renaissance.
3. Mengkaji sumbangan perkembangan institusi awam kepada masyarakat Eropah pada Zaman Renaissance.

1.4 Sorotan Literatur

Kajian atau penyelidikan yang biasanya melibatkan cakupan-cakupan sejarah Zaman Renaissance ini telah banyak diteliti dan dilakukan oleh kebanyakan para ilmuwan di serata dunia. Keadaan tersebut tidak menghairankan kerana zaman tersebut merupakan antara zaman yang terpenting dalam sejarah perkembangan tamadun di Eropah. Perkembangan ilmu yang berlaku secara meluas di negara-negara Eropah sekaligus telah mendorong kepada perkembangan pendidikan secara pesat. Aspek perkembangan pendidikan di Eropah juga adalah salah satu topik atau bidang yang menarik dan bermanfaat untuk dikaji dengan lebih mendalam. Idea-idea yang telah muncul pada zaman tersebut serta perkembangan pendidikan dalam masyarakat Eropah menjadi telah menjadi kupasan pelbagai sarjana di Eropah. Kejayaan masyarakat Eropah yang terdorong daripada pembinaan insituti pendidikan ini juga menjadi fokus utama dalam kajian ini. Terdapat beberapa kajian lepas yang telah dilakukan oleh para sarjana dalam bentuk buku, jurnal dan laporan digunakan sebagai sumber bagi melengkapkan maklumat dalam penulisan latihan ilmiah ini.

1.4.1 Perkembangan pendidikan dalam masyarakat eropah pada Zaman Renaissance

Sumber rujukan yang menjadi antara pilihan utama dalam kajian ini adalah buku yang berjudul *Renaissance in Italy: Volume 1* hasil karya penulis yang dikenali sebagai John Addington Symonds. Isi kandungan buku tersebut membincangkan zaman Renaissance yang berlaku khususnya di Itali. Itali merupakan antara negara yang telah melahirkan ramai tokoh Renaissance dan dianggap sebagai antara tempat utama yang telah merencanakan gerakan Renaissance dalam masyarakat Eropah. Buku tersebut dipilih sebagai antara rujukan utama adalah kerana penjelasan secara terperinci tentang masyarakat Eropah dari segi struktur sosial pada zaman Renaissance. Penulis buku tersebut memperincikan tentang struktur sosial dalam masyarakat Eropah yang masih mengamalkan sistem aristokrasi, feudalisme dan pemerintahan monarki. Memetik salah satu petikan yang terkandung di dalam buku tersebut yang menyatakan "The people with the nobles, the burghs with the castles, the plebeians with the burgher aristocracy the men of commerce with the men of arms..".⁷ Petikan tersebut jelas menyatakan bahawa pada zaman tersebut masih terdapat sistem sosial yang mementingkan keturunan, darjat, kuasa dan kekayaan. Aspek tersebut melibatkan isu-isu seperti kuasa gereja, golongan kaya (Baron) dan kerabat diraja. Pendek kata, buku tersebut merupakan rujukan yang sesuai bagi menjelaskan tentang masyarakat sosial di Eropah khususnya pada zaman Renaissance.

Salah satu sumber yang berkait rapat dengan kajian ini adalah artikel yang bertajuk *The Renaissance and the School, 1400-1580* hasil penulisan S. S. Laurie. Isi kandungan artikel tersebut secara umumnya membincangkan tentang perkembangan idea atau ilmu dalam masyarakat Eropah telah mempengaruhi sebahagian besar perubahan sistem pendidikan di Eropah. Penulis tersebut menekankan aspek dan ideologi falsafah humanisme yang muncul pada awal zaman Renaissance telah menjadi titik tolak kepada kesedaran pemikiran masyarakat Eropah terhadap kepentingan ilmu pengetahuan dalam kehidupan mereka. Pada zaman tersebut, masyarakat di Eropah masih lagi agak dikongkong oleh institusi Gereja dari segi moral dan keagamaan. Salah

⁷ John A. Symonds. 1888. *Renaissance in Italy*, New York: Henry Holt and Company.

satu petikan dalam artikel tersebut adalah "Thought on moral and religious questions had on certain lines exhausted itself and been rounded off, after having been organized into a system, provided with administrators and guarded by penalties".⁸ Petikan tersebut jelas merujuk kepada masalah sosial dan pentadbiran yang berlaku pada zaman tersebut menyebabkan ilmu pengetahuan sukar berkembang dalam masyarakat Eropah. Menurut penulis, terdapat perubahan dalam sistem pembelajaran khususnya dalam bidang teologi oleh institusi gereja memperlihatkan kitab bible yang hanya dapat diakses oleh para paderi telah dapat diakses oleh masyarakat melalui pembelajaran bahasa latin. Sebagai rumusan, penulis telah membincangkan pelbagai perkembangan dan gerakan ilmu atau falsafah barat yang menjadi penggerak kepada bidang ilmu pengetahuan di dalam artikel tersebut.

Buku yang bertajuk *Rhetoric and Poetry in the Renaissance* hasil penulisan Donald Lemen Clark juga menjadi antara pilihan utama dalam latihan penulisan ilmiah ini. Buku tersebut menjadi pilihan dalam kajian adalah kerana buku tersebut berkait rapat dengan aspek pendidikan semasa zaman Renaissance. Di dalam buku tersebut, penulis membincangkan pendidikan semasa zaman renaissance dengan memfokuskan antara subjek utama dalam pendidikan pada zaman tersebut iaitu Retorik(Rhetoric) dan Puisi(Poetry). Dua bidang tersebut merupakan antara bidang yang dianggap penting dalam pendidikan dan diwajibkan bagi kebanyakan golongan remaja untuk dipelajari di sekolah mahupun melalui tutor persendirian. Dua bidang tersebut adalah inspirasi daripada teks dan manuskrip-manuskrif lama peninggalan pada zaman Yunani yang merangkumi penulisan Plato, Aristotle dan Socrates.⁹ Maklumat yang terkandung dalam buku tersebut adalah penting dalam menghuraikan peranan dua bidang ilmu tersebut dalam perkembangan pendidikan yang berlaku dalam masyarakat Eropah pada Zaman Renaissance.

⁸ S.S Laurie. 1896. The Renaissance and the School, 1440-1580, *The School Review*, Vol.4(3): 124-140.

⁹ Donald L. Clark. 1922. *Rhetoric and Poetry in the Renaissance: A Study of Rhetorical Terms in English Renaissance Literary Criticis*. New York: Project Gutenberg.

1.4.2 Perkembangan insitusi awam di eropah

Sumber rujukan yang seterusnya adalah artikel yang bertajuk *The Italian Renaissance: Transition from Medieval to Early Modern Europe of the University System and Higher Learning* hasil penulisan Massimo Guarnieri dan Pietro del Negro. Artikel tersebut terkandung dalam jurnal akademik yang bertajuk *Jubilee of Wu Chien-Shiung* yang diterbitkan pada tahun 2012. Artikel tersebut secara umumnya membincangkan perkembangan sistem pendidikan dengan berfokuskan kepada negara Itali. Itali merupakan negara yang menjadi titik penolak kepada gerakan Zaman Renaissance oleh itu tidak hairanlah penulis lebih memfokuskan sistem pembelajaran dan pendidikan di Itali. Gerakan Renaissance yang telah menyebabkan kemunculan pelbagai falsafah pemikiran termasuklah Humanisme telah mendorong kepada revolusi yang signifikan dalam aspek akademik di Itali khususnya dalam sistem Universiti dan pembelajaran di peringkat tertinggi. Institusi akademik yang prolifrik dan mempunyai prestij tersendiri pada zaman Renaissance adalah University of Bologna, University of Padua dan University of Pisa.¹⁰ Universiti-universiti tersebut dikatakan telah terkesan dengan perkembangan ilmu atau ideologi humanisme dan falsafah pemikiran lain yang tersebar pada zaman Renaissance.

Sumber rujukan yang seterusnya digunakan dalam kajian ini adalah buku yang bertajuk *Oxford & Cambridge* hasil karya Richard Gloucester. Buku ini diterbitkan pada tahun 1980 oleh Macdonald General Books di London. Kajian ini yang berkisarkan mengenai infrastruktur pendidikan tinggi di Eropah memerlukan sebuah buku yang mempunyai maklumat terperinci mengenai institusi pendidikan tinggi atau universiti di Eropah dari segi perkembangan institusi tersebut dari zaman Gelap sehingga Zaman Renaissance. Buku ini bersesuaian dengan kehendak kajian kerana mengandungi

¹⁰ Massimo Guarnieri et al. 2012. *The Italian Renaissance: Transition from Medieval to Early Modern Europe of the University System and Higher Learning*. *100th Jubilee of Wu Chien-Shiung*, Vol.1(1): 2-24.

perkembangan dua infrastruktur pendidikan yang popular pada zaman Renaissance iaitu Universiti Oxford dan Universiti Cambridge. Dua universiti tersebut telah menjadi tempat lahirnya beberapa tokoh ilmuwan dan golongan yang dikenali atas sumbangan mereka dalam bidang pendidikan. Sebagai contoh, antara tokoh-tokoh yang pernah menuntut ilmu di Universiti Oxford adalah Erasmus, Duns Scotus, John Wycliffe, dan William Tyndale. Tokoh-tokoh yang pernah menuntut di Universiti Cambridge pula adalah Francis Bacon dan Mathew Parker.¹¹ Dua institusi tersebut telah menyumbang kepada perkembangan tamadun eropah khususnya dalam bidang pendidikan sekaligus memberi kesan yang signifikan kepada tahap pendidikan masyarakat eropah. Oleh itu buku ini dipilih kerana mengandungi maklumat terperinci termasuklah maklumat mengenai pembangunan kemudahan universiti, kolej kediaman serta sistem kuliah yang digunakan oleh dua universiti tersebut pada zaman Renaissance.

Satu karya yang bertajuk *A History of University College* hasil penulisan Robin Darwall-Smith menyediakan satu sumber yang mengandungi maklumat sesuai mengenai pembinaan kolej-kolej kediaman universiti pada zaman Renaissance. Buku tersebut diterbitkan oleh Oxford University Press pada tahun 2008 dan mengandungi maklumat terperinci mengenai sejarah asal bangunan kolej kediaman di universiti-universiti di eropah seperti Universiti Paris, Bologna dan Oxford. Penulis membincangkan bagaimana peranan golongan bangsawan dan kerabat diraja yang telah menyumbangkan sebahagian besar bantuan dalam bentuk dana dan tenaga kerja kepada pembinaan kolej kediaman untuk para pelajar. Maklumat dalam buku tersebut lengkap dengan maklumat peristiwa penubuhan, senibina, kemudahan dalam kolej serta para pelajar alumni kepada kolej-kolej yang dinyatakan. Karya ini telah membantu dalam melengkapkan sejarah pembinaan institusi secara lebih terperinci dalam aspek kemudahan universiti kerana kolej kediaman juga merupakan komponen penting dalam sejarah penubuhan universiti di eropah.¹²

¹¹ Aston, T. H., G. D. Duncan, and T. A. R. Evans. 1980. "The Medieval Alumni of the University of Cambridge." *Past & Present*, Vol. 1(86): 67-82.

¹² Darwall-Smith, Robin, *A History of University College, Oxford*, Oxford: Oxford University Press, 2008.

1.4.3 Sumbangan institusi awam kepada perkembangan ketamadunan Renaissance.

Tema ketiga yang terkandung dalam bab keempat dalam kajian ini adalah membincangkan mengenai era revolusi sains yang berlaku hasil daripada kajian dan penemuan yang dilakukan di universiti-universiti di eropah secara keseluruhan. Perkembangan dalam pelbagai bidang telah berlaku seperti bidang astronomi, kimia, fizik dijelaskan dalam satu artikel yang bertajuk *The Universities of The Renaissance and Reformation* hasil karya oleh Paul F. Grendler dalam jurnal yang bertajuk *Renaissance Quarterly*. Penulis membincangkan mengenai kepentingan universiti dalam perkembangan pelbagai bidang termasuklah bidang astronomi yang dipelopori oleh Nicolas Copernicus yang merupakan bekas pelajar di universiti Bologna sebelum berpindah ke Universiti Padua. Kajian beliau terhadap 'Heliocentrism' yang sangat berpengaruh dalam astronomi membetulkan pandangan Ptolemy mengenai konsep bumi. Penulis juga turut membincangkan mengenai perkembangan dalam bidang kimia yang dipelopori oleh Paracelsus yang menyumbang terhadap konsep elemen utama dalam ilmu kimia melalui sistem *Tria Prima*.

Seterusnya adalah artikel hasil penulisan A.Castiglioni iaitu *The Medical School at Padua and the Renaissance of Medicine* yang memfokuskan kepada perkembangan bidang perubatan di Universiti Padua yang dibangunkan pada zaman Renaissance. Artikel tersebut terkandung dalam sebuah jurnal yang diterbitkan pada tahun 1935 bertajuk *Annual Medical History*. Tajuk Penulis menekankan mengenai peranan universiti padua sebagai antara pusat utama dalam perkembangan ilmu perubatan pada masa tersebut. Salah satu tokoh terkenal dalam bidang perubatan Andrea Vesalius yang juga professor dalam perubatan bagi universiti tersebut. Beliau telah melakukan kajian terhadap tubuh badan manusia melalui pembedahan sekaligus meningkatkan pengetahuan dalam bidang anatomi. Penulis juga turut menganalisis karya yang

dihasilkan oleh beliau sepanjang berkhidmat di universiti tersebut iaitu De humani Corporis Fabrica yang dirujuk oleh kebanyakan ahli perubatan dalam memahami konsep tubuh badan manusia pada masa tersebut.

Salah satu sumber rujukan yang penting dalam tema ketiga adalah bertajuk A History of Mathematics hasil karya Carl O. Boyer yang diterbitkan pada tahun 1984 oleh Princeton University Press. Sumber tersebut merupakan sebuah jurnal yang mengandungi maklumat-maklumat penting mengenai perkembangan ilmu yang berlaku dalam masyarakat eropah melalui penyebaran falsafah Humanisme. Falsafah humanisme tersebut yang membawa kepada kesedaran masyarakat kepada kepentingan pendidikan untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Kesedaran tersebut mendorong kepada kajian-kajian serta penemuan oleh para pelajar dan professor di universiti dalam pelbagai bidang termasuklah bidang matematik. Penulis mengambil beberapa contoh tokoh yang telah berjasa dalam bidang tersebut seperti Thomas Bradwardine, Gerolamo Cardano, dan Luca Pacioli. Sumber tersebut juga mengandungi maklumat secara terperinci karya-karya atau penemuan yang telah dihasilkan oleh tokoh-tokoh tersebut seperti penemuan mengenai Local motion, Teorem Binomial dan Persamaan Kuadratik. Selain itu, jurnal yang bertajuk Sources and Commentaries in exact Sciences yang mengandungi kajian Heefer dan Albrecht dalam Algebraic Partitioning problems from Luca Pacioli's Perugia manuscript. Artikel dalam jurnal tersebut menjelaskan dengan terperinci mengenai sumbangan Luca Pacioli sebagai tokoh yang paling popular dalam bidang matematik. Penulis menjelaskan mengenai Luca pacioli yang telah memperkenalkan sistem 'Double entry' dalam pengurusan perniagaan melalui analisis terhadap buku beliau iaitu *Summa de Arithmetica, Geometria*.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dalam mengenalpasti atau meneliti perkembangan pendidikan yang telah berlaku pada Zaman Renaissance bagi membuka minda masyarakat tempatan tentang idea atau falsafah pendidikan juga mendorong kepada pembinaan institusi